

PERIBAHASA (ITEM DALAM TEKS)

Latihan 4

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

Hakeem seorang anak tunggal. Encik Murad dan isterinya telah mengasuhnya dengan baik dan sempurna. Hakeem pelajar darjah 5 yang (1)<u>cepat menerima dan faham pelajaran atau nasihat</u>. Dia disayangi guru-guru di sekolahnya. Mereka berasa senang mengajarnya kerana dia seorang murid yang (2)<u>tajam hati</u>. Walupun dia suka duduk seorang diri dia tidak sombong. Dia ada ramai kawan. Sebenarnya, Hakeem (3)<u>diam-diam ubi</u>. Hakeem tidak seperti setengah-setengah pelajar lain yang bersikap (4)<u>membuat sesuatu pekerjaan apabila disuruh sahaja</u>. Pada setiap hari dia akan (5)<u>belajar bersungguh-sungguh</u>. Dia tidak akan tunggu peperiksaan menjelang baharu dia menelaah pelajaran.	1 (1) panjang akal (2) tajam ingatan (3) seperti garam jatuh ke laut (4) seperti dakwat dengan kertas () 2 (1) sihat dan cerdas (2) jujur dan cerdas (3) pandai dan sihat (4) pandai dan cerdas () 3 (1) pendiam kerana bersikap sombong (2) pendiam tetapi banyak pengetahuan (3) tidak suka berbual kerana tidak mahu membuang masa (4) tidak mahu berbual dengan kawan-kawan sebaya dengannya () 4 (1) seperti lipas kudung (2) menghitung bulu kambing (3) seperti pahat dengan penukul (4) air dicencang tidak akan putus () 5 (1) perah otak (2) perah tenaga (3) banting tulang (4) mengorak langkah ()
--	--